

**PELAKSANAAN PENGAJARAN MEMBACA MENGGUNAKAN KAEDAH FONIK
PERINGKAT PRASEKOLAH DI BRUNEI DARUSSALAM**

*(The Implementation Of The Teaching Of Reading Using Phonics Method
At Preschool Level In Brunei Darussalam)*

YAHYA OTHMAN

yahyaoth@gmail.com

Universiti Brunei Darussalam

AISAH MD. DAUD

aisah9611@hotmail.com

Universiti Brunei Darussalam

AZMEY OTHMAN

azmeypengail@yahoo.com

Universiti Brunei Darussalam

DK. SITI ARDIAH PG. MOHIDDIN

rd83uniquely_individual@hotmail.com

Universiti Brunei Darussalam

MASZURAIMAH MUIZZ SULAIMAN

maszy-starkiss@hotmail.com

Universiti Brunei Darussalam

ABSTRAK: Kajian ini bertujuan untuk meneliti pelaksanaan kaedah fonik pada peringkat prasekolah di Brunei Darussalam. Penelitian tertumpu kepada proses yang berlaku semasa pengajaran menggunakan kaedah fonik di dalam kelas. Kajian yang menggunakan pendekatan kualitatif ini melibatkan tiga orang guru dan 69 orang murid sebagai responden kajian. Kajian dijalankan menggunakan kaedah pemerhatian terhadap pengajaran tiga orang guru dan respons yang diberikan oleh murid-murid di dalam tiga buah kelas prasekolah di kawasan Brunei Muara. Tiga jenis alat kajian digunakan untuk tujuan pengumpulan data iaitu analisis dokumen, borang pemerhatian dan temu bual. Data yang diperolehi dianalisis dan dihuraikan secara deskriptif. Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru mengaplikasikan kaedah fonik dalam pengajaran membaca. Responden juga mampu mengajarkan membaca menggunakan kaedah fonik seperti yang dikehendaki oleh Kementerian Pendidikan Brunei. Kaedah fonik ini juga didapati memberikan kesan positif terhadap prestasi pembelajaran murid terutamanya dari segi mempercepatkan penguasaan kemahiran membaca. Selain itu, murid didapati lebih bermotivasi dan berminat untuk membaca pelbagai jenis bahan bacaan.

Kata kunci: Kemahiran membaca, kaedah fonik, pendidikan prasekolah

ABSTRACT: This study aims to examine the implementation of phonics method in the preschool teaching in Brunei Darussalam. The study focuses on the processes that occur

during the phonics method of teaching in the classrooms and used a qualitative approach involving three teachers and 69 students as respondents. Observations were carried out on the teachings of the three teachers and the responses given by the preschool students. Three types of instruments were used for data collection, namely, document analyses, observations and interviews. Data were analyzed using descriptive method and the results confirmed that teachers were indeed applying phonics method in teaching reading. The teachers were also able to teach reading using phonics as required by the Ministry of Education, Brunei. Phonics method was also found to have a positive impact on pupils' learning performance, especially in terms of reading speed. In addition, students were seen to be more motivated and interested in reading a variety of reading materials.

Key words: Reading skill, phonic method, preschool education

PENGENALAN

Belajar membaca merupakan asas penting dalam penguasaan kognitif dan persekitaran sosial manusia (Yahya, Roselan & Naffi, 2009). Kemahiran membaca yang dikuasai di sekolah membantu pelajar membaca dengan berkesan. Untuk mencapai matlamat tersebut, kaedah mengajar yang sesuai perlu diamalkan oleh guru agar proses penguasaan kemahiran tersebut dapat berlaku dengan mudah dan berkesan. Untuk mencapai objektif agar semua murid mampu membaca dengan berkesan, maka pada peringkat awal persekolahan kaedah membaca yang digunakan perlu sesuai dengan kemampuan dan minat murid agar memberikan impak kepada proses pembelajaran.

Sesuai dengan keperluan semasa, kaedah fonik merupakan salah satu kaedah mengajar asas membaca yang sesuai diaplikasikan pada peringkat prasekolah. Kaedah fonik digunakan dengan harapan memudahkan lagi penguasaan asas membaca mereka. Oleh yang demikian, Kementerian Pendidikan Brunei Darussalam melihat keupayaan kaedah fonik mampu memberi impak terhadap penguasaan membaca tahap awal. Melalui Sistem Pendidikan Negara Abad Ke-21 (SPN21), kurikulum prasekolah di Brunei Darussalam telah mengalami perubahan bertujuan untuk meningkatkan keperluan pendidikan pada masa kini. Pendidikan prasekolah dirancang dan disusun menggunakan lima domain, iaitu perkembangan diri dan sosial, perkembangan kognitif (literasi, numerasi dan awal sains), perkembangan estetika dan daya kreatif, perkembangan fizikal dan perkembangan teknologi info-komunikasi (Jabatan Perkembangan Kurikulum, 2009). Oleh itu, penggunaan kaedah fonik dilihat selari dengan domain perkembangan kognitif bagi meningkatkan keupayaan literasi melalui penguasaan asas membaca dapat diperkukuhkan lagi.

Bagi melaksanakan kaedah fonik dalam sistem pembelajaran asas membaca di Negara Brunei Darussalam, pihak kementerian pendidikan menggunakan cara pengajaran membaca menggunakan kaedah fonik bagi prasekolah seperti yang dikemukakan oleh Othman dan Nik Eliani (2009). Beliau menekankan teknik asosiasi yang mengaitkan satu aksi yang dilakukan sambil membunyikan bunyi yang relevan dengan bunyi huruf yang hendak diajar. Teknik ini dapat meningkatkan daya ingatan, penglihatan dan pendengaran di samping menjadikan sesi pembelajaran lebih menyeronokkan dan aktif (Othman & Nik Eliani, 2009).

Oleh itu, guru prasekolah memainkan peranan yang penting dalam menerapkan kemahiran ini yang memerlukan inisiatif dan kreativiti guru dalam menyediakan bahan-bahan pengajaran yang dapat membantu murid menguasai kemahiran tersebut. Disebabkan perbezaan individu, maka tidak semua murid dapat menguasai kemahiran ini sepenuhnya yang menimbulkan pelbagai masalah seperti murid kurang menguasai kemahiran membaca yang boleh menyebabkan keciciran dalam pembelajaran mereka.

KAEDAH FONIK

Kaedah fonik digunakan untuk melatih murid mengenal huruf melalui padanan huruf dengan bunyi. Kaedah ini baru saja diperkenalkan dalam sistem pendidikan di Brunei Darussalam. Oleh itu, bahan-bahan kajian yang berkaitan agak sukar diperolehi. Namun, kaedah ini telah lama diperkenalkan dalam pembelajaran bacaan bahasa Inggeris. Terdapat pelbagai pendapat mengenai cara pelaksanaan pengajaran membaca menggunakan kaedah fonik. Antaranya yang dikemukakan oleh Hasnah dan Habibah (2010), Othman dan Nik Eliani (2009), Bielby (1999), Heilman (1993), Goswani dan Byrant (1990) dan Gunning (1988). Hasnah dan Habibah (2010) menyenaraikan beberapa langkah pelaksanaan kaedah fonik seperti berikut:

1. Pada asasnya kaedah ini adalah untuk mengajar murid-murid melihat hubungan antara simbol (huruf) dan bunyi (hubungan fonem-grafem) supaya mereka dapat membaca (membunyikan) perkataan-perkataan baharu yang mereka hadapi.
2. Murid diperkenalkan dengan bunyi huruf dan bukan nama huruf.
3. Jadi, lambang huruf terus dikaitkan dengan bunyinya. Misalnya 'a' dibunyikan 'aa...', 't' - 'teh', 's' - 'ss'. 'u' - 'uu...', 'z' - 'zz...' dan sebagainya. Murid-murid akan dilatih membunyikan huruf secara terasing dan kemudiannya menggabungkan dengan bunyi-bunyi huruf yang lain bagi membentuk suku kata dan perkataan.
4. Apabila mereka sudah mengetahui hubungan tiap-tiap huruf dengan bunyinya, suku kata pula dibina. Misalnya, 'ba', 'da', 'tu', 'ka', 'lu', 'mi' dan sebagainya.
5. Contoh lain seperti huruf "a" tidak dieja tetapi terus dibunyikan sebagai [a], dan begitulah bagi huruf-huruf dan suku kata yang lain. Sebagai contoh, ba + ta terus disebut sebagai [ba] + [ta] dan seterusnya disebut sebagai [bata].
6. Kemudian baru digabung suku-suku kata ini menjadi perkataan-perkataan - 'dada', 'batu', 'kata', 'lalu' dan sebagainya.

Menurut Othman dan Nik Eliani (2009), terdapat beberapa langkah asas mengajar bunyi huruf. Langkah asas berasaskan objektif yang berkaitan. Objektif pertama pengajaran ialah murid boleh menyebut bunyi dan mengenal pasti huruf berkaitan. Bagi mencapai objektif tersebut beberapa aktiviti wajib telah dicadangkan untuk dilaksanakan, antaranya ialah:

1. Perkenalkan bunyi huruf yang akan diajar (tanpa menunjukkan simbol/huruf tersebut). Sebut bunyi dengan jelas beberapa kali.
2. Tanyakan murid bunyi yang didengar dan minta murid menyebut bunyi dengan betul. Ulang sebut bunyi sehingga mantap.

3. Perkenalkan simbol/huruf yang diajar sambil menyebut: "Ini bunyi...". Jangan guna perkataan 'huruf'.
4. Ulang sebut bunyi sambil menunjukkan simbol beberapa kali.
5. Melakonkan aksi asas latihan asosiasi. Pastikan satu bunyi untuk satu aksi.

Selain itu, aktiviti pilihan juga turut dicadangkan. Aktiviti-aktiviti tersebut adalah seperti melakukan aktiviti latihan asosiasi secara praktikal (bermain) dan rangsang pendengaran dengan gambar-gambar bermula dengan bunyi yang diajarkan. Manakala dalam objektif kedua pula diharapkan murid dapat mengecam bentuk huruf. Aktiviti wajib yang dicadangkan adalah seperti berikut; Sentuh huruf berpasir mengikut cara huruf ditulis, dan bentuk huruf menggunakan plastisin, Manakala aktiviti pilihan pula seperti mewarna huruf, membuat kolaj – gunting huruf mengikut bentuk, membuat mozek – menampal kertas warna atas huruf, mengecat menggunakan jari, dan menulis. Bagi objektif ketiga, murid diharapkan dapat menggabung bunyi huruf. Antara aktiviti wajib yang dicadangkan adalah: tunjukkan konsep gabungan huruf konsonan dan vokal, minta murid gabung huruf secara praktikal melalui aktiviti lihat dan buat, dengar dan buat, dan lihat dan baca.

Bielby (1999) pula menyatakan semua guru perlu berbincang dengan murid dan pada masa tertentu mereka juga perlu membincangkan cara menyesuaikan bunyi huruf dengan perkataan. Walau bagaimanapun, istilah 'mengajar fonik' digunakan secara umum untuk mengajar murid-murid di peringkat awal secara bersistematik bagi membunyikan huruf secara rutin untuk mengekod perkataan. Murid diajar membunyikan huruf secara lantang kemudian menggabungkan bunyi. Guru mendengar apa yang dibunyikan oleh murid. Pendekatan ini membolehkan murid membunyikan huruf baharu dengan mudah dan cepat. Menurut beliau lagi, fonik memberikan cara yang positif dalam mengenal pasti bunyi huruf baharu dan boleh mengembangluaskan kecekapan grafafonik. Kaedah fonik ini boleh diguna pakai dalam jangka masa panjang.

Heilman (1993) menyatakan belajar untuk mengenal pasti perkataan merupakan satu-satunya cara untuk menyelesaikan masalah mengenal huruf. Oleh yang demikian, murid perlu mempelajari hubungan antara kiu visual (huruf) dan bunyi yang diungkapkan (hubungan fonem-grafem). Setelah melalui latihan berulang kali, maka perkataan pun dikenal pasti. Perkataan yang sudah dikenal pasti ini tidak lagi memerlukan usaha murid untuk membuat pengecaman. Tahap ini disebut sebagai belajar membaca. Belajar untuk membaca adalah tugas sukar kerana mempelajari gabungan bunyi dan huruf sangat asing pada pengalaman lalu murid.

Goswani dan Byrant (1990) dalam Campbell (1995) kajian mengenai kesedaran fonemik, menyimpulkan bahawa kemajuan dalam belajar membaca mungkin merupakan faktor utama dalam menyedari fonem. Oleh yang demikian, pelbagai kegiatan membaca dan menulis menjadi penting agar murid terlibat dengan bahasa dan boleh secara aktif membina pengetahuan mereka tentang kaitan huruf dan bunyi.

PERSOALAN KAJIAN

Bagi mendapatkan jawapan daripada objektif yang telah dinyatakan, berikut adalah soalan-soalan kajian yang akan menjadi asas kepada kajian ini:

1. Bagaimanakah guru melaksanakan pengajaran bacaan menggunakan kaedah fonik?
2. Bagaimanakah tindak balas murid terhadap pengajaran guru menggunakan kaedah fonik?
3. Sejauh manakah murid memahami pengajaran guru dalam membaca menggunakan kaedah fonik?
4. Apakah masalah yang dihadapi oleh guru semasa mengajarkan kaedah fonik?

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang melibatkan kaedah pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen. Dalam kajian ini, tiga orang guru prasekolah yang mengajarkan kemahiran membaca dalam mata pelajaran Bahasa Melayu telah dijadikan sebagai sampel kajian. Selain itu, 69 orang murid prasekolah yang melibatkan pra A (22 orang), B (23 orang) dan C (24 orang) di salah sebuah sekolah di daerah Brunei dan Muara juga dipilih sebagai sampel kajian. Kesemua sampel kajian dipilih secara rawak mudah.

Sebelum menjalankan kajian ini, pengkaji terlebih dahulu memohon kebenaran pihak kementerian pendidikan untuk membolehkan pengkaji menjalankan kajian di sekolah yang ditentukan. Perbincangan dengan guru sekolah berkaitan juga dilakukan bagi memudahkan kajian dilakukan dengan menyelaraskan jadual pengajaran mereka dengan waktu pencerapan yang akan dilakukan. Pengkaji juga terus membincangkan masa bagi menjalankan temu bual dengan guru-guru tersebut.

Bagi memungut data, beberapa instrumen telah digunakan, iaitu catatan untuk pemerhatian dan prosedur temu bual. Bagi melakukan pemerhatian pengajaran, borang pemerhatian disediakan bagi memudahkan pengkaji membuat catatan pemerhatian. Manakala dalam prosedur temu bual, terdapat 12 soalan separa berstruktur telah diajukan kepada sampel kajian. Waktu pemerhatian sesi pengajaran bagi ketiga-tiga responden dibuat pada 12hb. April, 2011, 13hb. April, 2011 dan 14hb. April, 2011. Setiap responden telah dicerap sebanyak tiga kali sesi pengajaran. Selepas ketiga-tiga sesi pengajaran selesai, pengkaji menemu bual ketiga-tiga responden. Setiap responden yang dicerap akan dikodkan seperti Guru Bahasa Melayu Pra A (PA), Guru Bahasa Melayu Pra B (PB) dan Guru Bahasa Melayu Pra C (PC). Bagi analisis dokumen, pengkaji menggunakan hasil kerja responden (murid) semasa memberikan respons pengajaran guru melalui latihan bertulis. Bagi menganalisis data yang diperolehi, pengkaji membuat penelitian terhadap data pemerhatian pengajaran, prosedur temu bual dan analisis dokumen serta dibincangkan mengikut kategori yang dikenal pasti.

DAPATAN KAJIAN

Latar Belakang Responden

Responden kajian merupakan tiga orang guru yang mengajarkan kelas prasekolah. Ketiga-tiga responden mempunyai kelayakan yang sama, iaitu Diploma dalam Pendidikan Rendah. Responden PA memiliki Sijil Pendidikan Awal Kanak-kanak. PA sudah berpengalaman selama 11 tahun dan mengajarkan prasekolah sejak tahun 2004 hinggalah sekarang. Responden PB pula sudah berpengalaman mengajar selama tiga tahun, tetapi baru pada awal tahun 2011 mengajarkan prasekolah bagi menggantikan guru yang berpencen. Responden PC pula sudah lima tahun pengalaman mengajar prasekolah.

Soalan kajian 1: Bagaimanakah guru melaksanakan pengajaran bacaan menggunakan kaedah fonik?

Langkah Pengajaran

1. Permulaan: PA memulakan pengajarannya dengan mengimbas kembali pelajaran yang lalu. PA mengarahkan semua muridnya berkumpul di ruang atau sudut khusus di dalam bilik darjah. PA mengarahkan murid membunyikan bunyi huruf berdasarkan kad huruf yang PA tunjukkan sebagai ulang kaji huruf yang sudah dipelajari.

PA mengarahkan murid menyanyikan lagu 'abu ada ayam'. Sehubungan itu, dalam set induksi, PB mengenalkan bunyi huruf yang telah pelajari sebelumnya dengan membuat gerakan asosiasi secara soal jawab, iaitu PB menunjukkan huruf 'a' kemudian bertanya bunyi huruf berkenaan serta gerak asosiasinya. Huruf yang telah diulang ialah 'a, e, u, b, n, m, s, k, t, y, c, p'. Seterusnya, PB mengajak murid menyanyi lagu 'abu ada ayam'. Manakala PC juga memberi tumpuan kepada aktiviti membunyikan huruf. Dalam aktiviti awal, PC meminta murid membunyikan huruf 'd' setelah PC menunjukkan kad huruf 'd'. Murid menyanyikan lagu 'debar dada didi' selepas diarahkan.

Seterusnya, murid membaca gabungan bunyi dengan serentak 'da', 'di', 'du' berdasarkan pergerakan kad yang ditunjukkan oleh PC. Murid menyebut setiap gabungan bunyi sebanyak 5 kali. Murid menyebut bunyi huruf bagi setiap gerakan asosiasi yang digayakan oleh PC. Murid menyanyi sambil menunjukkan pergerakan mengikut nyanyian. Murid menyebutkan bunyi huruf berdasarkan kad imbas yang ditunjukkan oleh guru secara beramai. Rumusannya, responden mementingkan penyertaan murid melalui aktiviti kumpulan dengan membuat gerakan asosiasi secara lisan. Alat bantu digunakan bagi memudahkan asosiasi dilakukan di samping aktiviti penyebutan secara latih tubi.

2. Perkembangan: Dalam langkah pertama, PA mengenalkan isi pelajaran dengan memperkenalkan huruf 'd'. Kemudian guru mengarahkan murid memegang dada mereka masing-masing. Lalu, bertanya kepada murid "Apa rasanya?" PA

seterusnya menerangkan cara jantung berdegup dengan mencontohkan seperti berlari, takut, gementar dan sebagainya. Setelah itu, barulah PA memperkenalkan huruf yang hendak dipelajari, iaitu 'd' dengan menggunakan kad bergambar. Murid secara langsung menyanyikan lagu 'debar dada didi'. PA menunjukkan perbezaan huruf 'b' dan 'd' menggunakan kad huruf. PA mengarahkan murid menulis huruf di udara sambil menekankan urutan menulis huruf 'd' bermula daripada perut. Kemudian, PA menggunakan teknik '*flash fire*' untuk menguji kefahaman murid dalam membezakan huruf 'b' dan 'd'. Sebelum aktiviti menulis, PA mengulang dengan mengarahkan pergerakan menulis huruf di udara.

Dalam langkah kedua, guru menunjukkan cara menulis huruf 'd'. PA mula menunjukkan cara menulis huruf sambil menekankan urutan menulis huruf 'd', iaitu bermula daripada 'perut' kemudian 'tangkai'. PA meminta murid memberikan contoh perkataan yang dimulai dengan huruf 'd' secara lisan. Murid secara aktif memberikan contoh-contoh perkataan yang dimulai dengan huruf 'd', antaranya 'daun, dadu, datuk, dahi, duku, durian, duit, duri, dinding, delima, dua, dan dagu'. PA melukis gambar yang murid sebut di papan tulis. Kemudian, PA bertanya, "Adakah kamu tahu lagu 'buah durian'?" Setelah seorang daripada muridnya menyebutkan buah durian sebagai buah yang didahului dengan huruf 'd', murid menyanyikan lagu 'buah durian' bersama-sama. Murid sekali lagi menulis huruf 'd' di udara.

Dalam langkah pengajaran yang seterusnya, murid menjalankan aktiviti membuat buku. Aktiviti membuat buku menggunakan kertas A4. Setiap murid diberikan sekeping kertas berukuran A4. Sebelum aktiviti itu murid jalankan, guru menunjukkan cara-cara melipat kertas berkenaan. Selepas selesai melipat dan menggunting kertas bagi setiap orang murid, mereka diarahkan kembali duduk ke tempat masing-masing. Dalam aktiviti ini guru mengarahkan murid-murid menulis huruf 'd' di muka depan buku mereka dan kemudian melukis gambar yang bermula dengan huruf 'd', iaitu huruf yang dipelajari pada hari berkenaan. Guru memantau kerja murid.

Manakala bagi PB, dalam langkah pengajaran pertama, beliau menunjukkan gambar *didi* dan bertanya perkara yang dilakukan oleh didi (didi memegang dada). Selepas itu, PB mengarahkan murid berdiri kemudian berlari selama 30 saat. Kemudian, murid diarahkan duduk semula. PB mengarahkan murid memegang dada sambil mengajukan soalan, 'Apa yang kamu rasa selepas berlari tadi?' Murid menjawab dada mereka berdebar dan berasa letih. PB mengenalkan bunyi 'd' sambil memegang dada. Kemudian PB mengarahkan murid menyebut bunyi 'd' seorang demi seorang. Setelah itu, PB menyoal bunyi 'd' untuk apa? Murid menjawab, 'dada' dan 'dadu'. PB melukis gambar yang bermula dengan 'd' di atas papan tulis, antaranya dadu, dada, dagu dan drum. Selepas melukis, murid disuruh menyebut gambar yang telah dilukis. Setelah itu, murid melakukan pergerakan bermain dram sambil menyebut bunyi 'd' beberapa kali dengan seronok. Setelah itu, murid menyanyikan lagu 'debar dada didi' diikuti dengan lagu 'abu ada ayam'.

Dalam langkah pengajaran kedua, PB memberikan papan tulis kecil dan penanda kepada setiap murid. Dia mengajukan soalan, 'Siapa tahu cara menulis huruf d?'. Murid memberi tindak balas kepada soalan PB dengan membuat pergerakan tangan. Kemudian PB menunjukkan cara menulis huruf 'd' di atas papan tulis kecil sambil diikuti oleh murid, bermula daripada 'tangkai' kemudian diikuti dengan 'perut'. PB mengingatkan bentuk perut 'd' perlu ditulis dengan cara yang betul dan bukan menggunakan bentuk lain seperti segi tiga. PB membetulkan hasil tulisan yang salah.

Dalam langkah ketiga pula, PB memberikan kertas latihan bentuk huruf 'd' kemudian menerangkan cara membuat aktiviti tulisan pelangi, iaitu dengan menyurih huruf 'd' dengan menggunakan pensil warna yang berlainan. PB kemudian menutup sesi pengajaran dengan menyanyi lagu 'debar dada didi' beramai-ramai. PC pula memulakan pengajaran dengan mengulangi bunyi huruf 'd' yang telah dipelajari dengan menunjukkan kad huruf 'd'. Setelah itu, PC mengarahkan murid menyanyikan lagu 'debar dada didi'. Dalam langkah pengajaran pertama, PC menunjukkan kad huruf 'd' dan 'a' berselang seli secara bernyanyi kemudian baharulah PC membunyikan gabungan bunyi kedua-dua huruf tersebut, iaitu bunyi /da/. Ia mengulangi lagi teknik di atas bagi menggabungkan bunyi 'd' dan 'i' serta 'd' dan 'u'. Kemudian PC dan murid membaca gabungan bunyi dengan serentak 'da', 'di', 'du' berdasarkan pergerakan kad. Sebagai peneguhan, PC mengarahkan murid menyebut setiap gabungan bunyi sebanyak lima kali.

Dalam langkah pengajaran seterusnya, PC menggayakan gerak asosiasi bagi huruf 'd' dan 'a', 'd' dan 'i', 'd' dan 'u'. Selepas itu, PC mengarahkan murid menyanyikan lagu 'abu ada ayam'. Dalam langkah pengajaran yang ketiga pula, PC menunjukkan kad imbas suku kata terbuka. Antara suku kata terbuka yang dibina menjadi perkataan ialah 'padi, muda, baca, kaki, babu dan nasi'. Bagi mengukuhkan kefahaman murid, PC mengarahkan murid menulis huruf 'd' di udara. Penekanan dibuat terhadap urutan penulisannya, iaitu bermula dengan menulis 'perut' kemudian diikuti dengan 'tangkai'. PC menunjukkan cara menulis huruf 'd' di atas papan tulis. Kemudian PC mengagihkan buku tulis kepada setiap murid untuk membuat latihan menyurih huruf 'd'. PC menutup langkah pengajaran dengan membuat penilaian dengan meminta murid-murid membuat latihan menyurih huruf 'd'.

Teknik Pengajaran

Melalui pemerhatian yang telah dijalankan, pengkaji mendapati ketiga-tiga responden menggunakan teknik yang berbeza semasa sesi pengajaran.

1. Teknik soal jawab: Responden PA didapati lebih kepada berpusatkan murid. Selain menggunakan teknik soal jawab, responden juga menyerapkan teknik kemahiran berfikir. Kemahiran ini diterapkan semasa guru meminta murid memberikan contoh benda yang bermula dengan bunyi huruf 'd'. Teknik ini

menguji pengetahuan murid dan mengaitkannya dengan pengetahuan sedia ada mereka. Cara ini juga merupakan salah satu cara untuk mengenal pasti kosa kata yang murid peroleh. Semasa aktiviti menulis dijalankan responden hanya memantau dan membetulkan kesalahan muridnya.

Responden PC pula menggunakan teknik soal jawab dari awal pengajaran hingga penutup. Di awal pengajaran responden mengarahkan murid membunyikan beberapa bunyi gabungan bunyi konsonan, contohnya 'b' dan vokal 'a' Responden juga mengarahkan murid membunyikan bunyi dua suku kata KVKV, seperti 'baca' dengan menggunakan kad huruf. Selain itu, responden juga menyoal murid tentang apa yang mereka faham terhadap perkataan yang mereka sebut. Hampir kesemua murid tahu setiap perkataan yang dipelajari. Responden juga mengaitkan setiap perkataan dengan pengetahuan dan pengalaman sedia ada murid, contohnya perkataan 'babu' responden mengajukan soalan, selain perkataan 'babu' apa perkataan selain daripada 'babu', muridnya menjawab 'ibu', 'mama' dan 'umi'. Sebelum mengarahkan murid menjalankan aktiviti menulis, guru menggunakan teknik penerangan, iaitu menerangkan cara urutan menulis huruf 'd' di papan tulis.

2. Teknik penerangan: Responden PB pula hanya menggunakan teknik penerangan. Responden menerangkan urutan menulis huruf 'd' dan cara membunyikannya. Hal ini dapat dilihat dari awal pengajaran, responden mengarahkan muridnya menyanyikan lagu 'abu ada ayam' sambil melakukan aksinya. Selain itu, guru mengarahkan muridnya berlari untuk mendapatkan rasa debaran dada sebelum mengenalkan huruf yang akan dimuridi, seterusnya responden mengarahkan murid menulis huruf 'd' di atas papan putih.

Soalan kajian 2: Bagaimanakah tindak balas murid terhadap pengajaran guru menggunakan kaedah fonik dalam membaca?

Bagi memenuhi keperluan untuk menjawab soalan kajian berikut, kaedah pemerhatian juga telah dijalankan untuk memungut data. Tindak balas murid terhadap pengajaran guru boleh diklasifikasikan kepada aspek berikut:

1. Mengikuti arahan guru secara aktif: Responden kajian merancang pengajaran berdasarkan aktiviti menyebut dan asosiasi huruf dengan bunyi. Berdasarkan pemerhatian, kesemua responden telah dapat mewujudkan situasi pembelajaran yang memudahkan pelajar mengikuti arahan guru. Disebabkan murid yang diajar berada pada peringkat prasekolah, arahan yang diberikan guru juga sesuai dengan tahap penerimaan dan pemahaman mereka. Murid responden PA sangat aktif dan suka menyanyi kerana apabila responden PA bertanya dan mengarahkan menyanyikan lagu 'Buah Durian' murid secara beramai-ramai menyanyikan lagu tersebut secara aktif. Arahan yang diberikan oleh PC juga berkaitan dengan usaha untuk menguasai bunyi huruf. Dalam aktiviti awal, murid membunyikan huruf 'd' setelah guru menunjukkan kad huruf 'd'. Murid

menyanyikan lagu 'debar dada didi' selepas diarahkan. Seterusnya, murid membaca gabungan bunyi dengan serentak 'da', 'di', 'du' berdasarkan pergerakan kad yang ditunjukkan oleh guru. Murid menyebut setiap gabungan bunyi sebanyak 5 kali. Murid menyebut bunyi huruf bagi setiap gerakan asosiasi yang digayakan oleh guru.

2. Melakukan gerakan badan berdasarkan lirik lagu: Semasa responden PA mengarahkan murid menyanyikan lagu 'abu ada ayam', murid secara aktif menyanyikan sambil melakukan gerakan badan setiap lirik lagu. Sebaik sahaja guru mengenalkan huruf 'd' murid secara automatik menyanyikan satu bait lagu daripada lagu 'abu ada ayam', iaitu 'debar dada didi'. Daripada hasil pemerhatian, pengkaji mendapati bahawa murid-murid dapat menguasai kemahiran membunyikan huruf serta menunjukkan asosiasi bagi setiap bunyi huruf yang dibunyikan.

Bagi PB, murid melakukan pergerakan bermain dram sambil menyebut bunyi 'd' beberapa kali dengan seronok dan menyanyikan lagu 'debar dada didi' diikuti dengan lagu 'abu ada ayam'. Dapat dilihat daripada aktiviti nyanyian ini, murid dapat menguasai bunyi huruf 'd' beserta pergerakan asosiasinya. Selain itu, mereka juga dapat mengaitkannya dengan perkataan yang bermula dengan huruf 'd'. Manakala bagi responden PC pula, respons berkaitan pergerakan juga ditunjukkan oleh murid-murid. Murid menyanyi sambil menunjukkan pergerakan mengikut nyanyian. Murid menyebutkan bunyi huruf secara beramai berdasarakan kad imbas yang ditunjukkan oleh responden PC.

3. Respons dalam menulis huruf: Bagi responden PA, aktiviti menulis menyeronokkan murid. Dalam aktiviti menulis murid berlumba-lumba cuba menyiapkan latihan membuat buku huruf 'd' dengan melukis dan mewarna gambar yang bermula dengan huruf 'd'. Walau bagaimanapun, dalam aktiviti ini, didapati segelintir murid masih lemah dalam membentuk huruf 'd'. Hal ini kerana mereka masih keliru dalam membentuk huruf 'b' dengan huruf 'd'. Daripada pemerhatian pengkaji, responden PA dapat mengatasi masalah tersebut dengan membantu murid menyurih bentuk huruf 'd' dengan betul.

Responden PB mula menjalankan aktiviti menulis dengan mengedarkan papan putih kecil beserta pen. Murid berasa sangat seronok semasa menerima papan tulis kecil beserta pen penanda daripada guru. Murid memberi tindak balas kepada soalan guru mengenai cara menulis 'd' dengan membuat pergerakan tangan, iaitu bermula daripada 'tangkai' kemudian diikuti dengan 'perut'. Setiap murid menulis huruf 'd' di atas papan kecil dengan aktif kemudian mereka menunjukkan hasil tulisan mereka kepada guru. Murid juga menyurih bentuk huruf 'd' di atas kertas latihan dengan menggunakan pensil warna yang disukai. Pelajaran ditutup dengan murid menyanyi lagu 'debar dada didi' beramai-ramai sambil membuat pergerakan berdasarkan lirik lagu tersebut.

PC juga menjalankan aktiviti menulis huruf selepas murid mereka menyanyi. Murid menyanyi sambil menunjukkan pergerakan mengikut nyanyian.

Murid menyebutkan bunyi huruf secara beramai berdasarkan kad imbas yang ditunjukkan oleh guru. Dalam aktiviti seterusnya, guru mengarahkan murid menulis huruf 'd' di udara. Murid kemudian membuat latihan menyurih huruf 'd'. Pada akhir pengajaran, murid diarahkan membuat latihan menyurih huruf 'd'.

4. Berjaya menarik minat dan menguasai sebutan dan penulisan huruf: Keseluruhannya, kesemua murid PA ini dapat menguasai semua bunyi huruf yang telah dipelajari, namun dalam kemahiran menulis pula ada antara mereka yang masih keliru dalam membentuk huruf khususnya huruf 'b' dan 'd'. Dalam hal ini, responden PA dapat mengatasi masalah ini semasa murid sedang menjalankan aktiviti menulis tersebut.

Responden PB ini berjaya menarik minat murid untuk belajar secara aktif. Setiap murid mengambil bahagian dalam setiap aktiviti yang dijalankan. Semua murid mampu menguasai bunyi huruf yang dipelajari pada hari tersebut serta boleh mengaitkannya dengan beberapa perkataan yang mereka ketahui yang dimulai dengan huruf 'd'. Dalam aktiviti menulis pula, murid sekali lagi secara aktif menjalankan aktiviti tersebut, apatah lagi dengan bantuan alat bantu belajar yang berbentuk papan tulis kecil yang secara tidak langsung dapat menarik minat murid dalam menjalankan aktiviti tersebut. Dengan ini, kesemua murid didapati menguasai kemahiran menulis huruf 'd'.

Berdasarkan pemerhatian yang telah dijalankan ini, murid sudah mampu membunyikan gabungan dua bunyi huruf dengan baik tanpa sebarang kekeliruan. Akan tetapi, pengkaji mendapati aktiviti pengukuhan dalam latihan menulis tidak selari dengan isi pelajaran yang disampaikan. Walaupun guru tidak menekankan cara penulisan huruf 'd' dalam pengajaran namun murid boleh menulis huruf 'd' dalam aktiviti menulis yang dijalankan dan guru sendiri turut membantu murid jika terdapat kesalahan.

Soalan kajian 3: Sejauh manakah murid menguasai kemahiran membaca dan menulis menggunakan kaedah fonik?

Daripada kaedah pemerhatian ketiga-tiga responden menilai kefahaman muridnya memahami pengajaran guru, responden memberikan kerja bertulis dengan mengintegrasikan beberapa kemahiran, iaitu menulis, melukis, dan mewarna dengan menggunakan buku teks, buku kerja, kertas latihan yang diberikan mengikut ketiga-tiga responden.

Melalui temu bual pula, pengkaji mengajukan soalan bahan yang gunakan untuk menilai tahap pencapaian murid dalam membaca menggunakan kaedah fonik. Responden PA menyatakan bahawa ia memberikan penilaian yang telah disediakan oleh pejabat dan juga ia sendiri menyediakan penilaian berdasarkan apa yang telah dipelajari. Bagi pengajaran setiap hari pula, ia menilai secara informal, iaitu semasa mengajar. Seterusnya ia membuat penilaian dan membetulkan jika murid melakukan kesalahan secara lisan. Selain itu, kemahiran menulis juga dinilai semasa murid-murid melakukan aktiviti tulisan dalam buku khas, latihan-latihan tambahan dan buku kerja murid. Bagi responden PB pula, biasanya ia sendiri menyediakan senarai penilaian

khusus untuk menilai pencapaian fonik murid. Jadi, ia hanya bergantung kepada senarai penilaian tersebut untuk mengetahui tahap kebolehan mereka. Selain itu, ia selalu mengarahkan murid menulis huruf dan membunyikan huruf tersebut secara individu untuk menilai terus kebolehan mereka. Manakala bagi responden PC pula, penilaian pencapaian murid dilakukan secara individu, biasanya ia membuat penilaian berdasarkan senarai penilaian khusus yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan. Penilaian diadakan empat kali dalam setahun mengikut penggal persekolahan.

Secara keseluruhan, dapatan temu bual mendapati ketiga-tiga responden menilai kefahaman membaca murid-muridnya ialah pada setiap penggal persekolahan. Penilaian tersebut adalah penilaian yang perlu dilaksanakan oleh setiap guru prasekolah seluruh negara, iaitu *track* penilaian membaca yang disediakan oleh pihak Kementerian Pendidikan. Bagi penilaian yang pertama, ada tiga tahap yang digariskan, iaitu tahap A, B dan C. Dalam tahap A memfokuskan kepada membunyikan bunyi huruf, pada tahap B pula memfokuskan kepada menggabungkan bunyi konsonan dan vokal. Tahap C pula memfokuskan kepada membunyikan perkataan dua suku kata, sama ada KVK atau pun KVKV seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1: Penilaian 1 tahap kemahiran membaca pra sekolah tahun 2011

Tahap	Bunyi Yang Diuji
A	a, i, u, n, b, m, k, s, t, y
B	na bu mi su ka tu si yi ti yu ta ma sa ku
C	Ibu nasi muka kaki siku Buku mata bayi batu saya

Berdasarkan Laporan Penilaian 1 pada bulan April 2011 bagi responden PA, didapati seramai lapan orang murid mencapai tahap A, dan dua orang murid mencapai tahap B. Manakala murid yang sudah mencapai ke tahap C hanya dua orang murid. Manakala bagi responden PB pula, daripada 17 orang murid, didapati tujuh orang murid mencapai tahap A, dan 10 orang murid telah mencapai tahap B. Manakala hanya tujuh orang murid sahaja mencapai tahap C.

Bagi responden PC, didapati dua orang murid tidak mencapai ke tahap A dan tiga orang murid mencapai tahap A serta empat orang murid yang mencapai tahap B. Manakala bagi tahap C, hanya 15 orang murid yang dapat mencapainya. Daripada dapatan ini, dapatlah disimpulkan bahawa murid-murid responden PC menunjukkan tahap pencapaian yang tinggi. Hal ini mungkin disebabkan pengajaran responden nampak lebih menarik berbanding daripada responden yang lain. Hal ini dapat dilihat daripada kaedah pemerhatian yang dijalankan.

Soalan kajian 4: Apakah masalah yang dihadapi oleh guru semasa mengajarkan kaedah fonik?

Dapatan daripada temu bual menunjukkan bahawa semua responden menghadapi beberapa masalah dalam mengajarkan membaca menggunakan kaedah fonik.

1. Lemah mengenal, membunyikan dan menggabungkan bunyi huruf: Walaupun kebanyakan murid mampu menguasai membaca dengan menggunakan kaedah fonik, namun masih terdapat mereka yang ketinggalan dalam aspek bacaan. Secara umumnya, responden menyatakan tiga masalah utama yang dapat dikenal pasti iaitu aspek mengenal, membunyikan dan menggabungkan bunyi huruf. PA menyatakan bahawa murid kebanyakannya lambat menerima dan tidak mengenal bunyi. Bagi PB, tidak mempunyai masalah dalam mengajarkan bunyi huruf. Murid sudah mengingatinya dengan baik kerana selalu diarahkan menyanyikan lagu fonik beserta gaya asosiasinya. Akan tetapi, murid mempunyai masalah dalam menggabung bunyi terutama bunyi konsonan dengan vokal. Kebanyakan murid belum dapat menguasai gabungan bunyi. Manakala bagi PC, masalah yang dihadapi ialah kebanyakan murid masih belum mengenal bunyi huruf dengan baik. Hal ini menyebabkan mereka menghadapi masalah menggabung bunyi. Mereka akan boleh membaca jika mereka sudah boleh menggabung bunyi dengan baik.
2. Keliru dengan bentuk huruf: Bagi PA, Dalam membentuk huruf pula murid keliru membentuk huruf 'y' dengan huruf 'u', membentuk huruf 'b', 'd' dan 'p'.
3. Cara menarik perhatian murid: PB – Masalah yang sering PB hadapi ialah cara menarik perhatian murid. Ada murid yang tidak mahu ikut serta dalam sesi pengajaran.
4. Penyediaan bahan: PC mengakui bahawa bahan untuk tujuan pengajaran perlu disediakan dengan menarik agar dapat menarik minat pelajar. Walau bagaimanapun, ia menghadapi masalah untuk menyediakan bahan bantu mengajar yang menurutnya memerlukan waktu yang banyak untuk disediakan.
5. Murid ramai dan berpenyakit: PA menyatakan, ia menghadapi masalah murid terlalu ramai. Oleh itu, ia tidak dapat fokus kepada beberapa murid yang lemah. Selain itu, saya juga mempunyai seorang murid albino kerana masalahnya murid ini tidak dapat melihat dengan jelas.
6. Kelemahan dalam penyampaian pengajaran: Semasa pencerapan dilaksanakan, pengkaji mendapati bahawa PB membuat kesalahan dalam membentuk huruf 'b'. Responden menyatakan bahawa untuk menulis huruf 'b' murid hendaklah menulis, bermula daripada 'tangcai' baharulah menulis 'perutnya' sedangkan dalam Othman Ahmad dan Nik Eliani (2009) teknik huruf 'd' dimulakan dengan menulis perut baharulah menulis tangcai. Ini mungkin disebabkan responden ini masih baharu dalam bidang mengajar prasekolah dan berkemungkinan guru mencari jalan mudah untuk memudahkan muridnya mengingat semasa menulis. Melalui pemerhatian yang dijalankan, pengkaji mendapati isi pelajaran dan aktiviti menulis yang dijalankan responden PC tidak selaras dengan isi pelajaran. Responden mengajarkan perkataan dua suku kata KVKV, tetapi dalam aktiviti

menulis responden hanya memberikan latihan menyurih huruf 'd'. Sepatutnya untuk mengukuhkan kefahaman murid dengan memberikan latihan yang bersesuaian seperti, memadankan gambar dengan suku kata yang mewakili gambar tersebut atau memadankan suku kata pertama dan suku kata kedua. Bagi responden PA dan PB pula sangat selaras kerana mereka hanya baharu mengenalkan bunyi dan huruf 'd', jadi latihan melukis, membuat buku bagi responden PA dan menyurih huruf 'd' bagi responden PB adalah sesuai. Secara keseluruhannya, masalah-masalah yang dihadapi oleh setiap responden adalah berbeza, tetapi masih dalam skop masalah yang sama, iaitu mengenal, membunyi dan menggabung huruf. Secara umumnya, dapat dilihat bahawa ketiga-tiga responden mempunyai cara untuk mengatasi masalah yang dihadapi.

7. Latih tubi: Kebanyakan responden mengesyorkan kaedah latih tubi (pengulangan) secara lisan. PA mengulangi setiap bunyi hampir setiap hari semasa set induksi. Jika ada mempunyai lebih masa ia akan mengajarkan murid yang masih keliru dan lemah secara individu. Semasa pengajaran pula, ia akan mengarahkan murid membaca secara ramai dan baharulah mengarahkan membaca dan membunyikan huruf secara individu. PA mengulangi teknik tersebut berulang kali, dengan tujuan mengukuhkan pengetahuan dan kefahaman murid terhadap huruf yang diajarkan tanpa keliru. PB juga sentiasa mengulang bunyi dan bentuk huruf yang sudah dipelajari. Ia menggunakan teknik latih tubi supaya murid sentiasa mengingati bunyi setiap huruf yang telah diajarkan.
8. Tumpuan individu: Hanya responden PA dan PC menggunakan inisiatif mengajar murid secara individu. Tambahan lagi responden PC, lebih banyak menekankan pemahaman murid dalam bentuk kemahiran menulis dengan memberikan kerja rumah. PA pula akan meminta pelajar menuliskan secara individu kerja yang dilakukan dan memudahkannya untuk memantau perkembangan murid yang lemah. Kebiasaannya, PB akan memanggil murid tersebut secara individu semasa murid lain membuat kerja kelas.
9. Penglibatkan ibu bapa: Berdasarkan hasil temu bual bersama responden PC, pengkaji mendapati sekolah tersebut telah membabitkan pihak ibu bapa dengan mengadakan bengkel fonik agar mereka memperoleh pengetahuan mengenai kaedah fonik serta dapat pula mengaplikasikannya semasa mengajar anak-anak mereka di rumah. Dengan cara ini, ibu bapa secara tidak langsung terlibat sama dalam meningkatkan kefahaman membaca murid. Selain itu, ia juga akan memberikan kerja rumah bagi meningkatkan kebolehan menulis mereka. Di rumah pula, ibu bapa juga sudah boleh membantu membimbing mereka dalam membunyikan huruf kerana ibu bapa sudah didedahkan melalui bengkel yang diadakan di sekolah. Tambahan lagi, ibu bapa sudah membeli buku 'Bacalah Anakku' yang khusus digunakan untuk mengajarkan fonik. Jadi, ibu bapa akan mudah membimbing anak-anak dengan membaca bersama-sama. PA menyatakan bahawa ibu bapa juga memberikan respons positif terhadap kaedah ini. Semasa mengadakan perjumpaan ibu bapa juga, saya mendapati tidak ada respons negatif daripada ibu bapa kerana mereka sendiri mengatakan bahawa anak mereka lancar membaca.

10. Bahan bantu yang sesuai: PA mengakui ia menggunakan bahan yang konkrit, iaitu kad huruf yang berbentuk besar yang membolehkan murid dapat mereka huruf menggunakan jari.
11. Permainan kreatif: Saya juga menjalankan beberapa permainan kreatif dan salah satunya ialah 'flash fire', iaitu menyembunyikan kad-kad huruf di belakang dan akan memilih satu kad huruf kemudian menunjukkan kad huruf yang saya pilih dan murid meneka bunyi huruf yang ditunjukkan.
12. Latihan untuk guru: Bagi responden PA, ia pernah menghadiri bengkel pengajaran menggunakan kaedah fonik. Bengkel-bengkel yang diadakan ini sangat baik kerana guru dapat berkongsi idea serta pengalaman. Dalam bengkel ini juga, bermacam-macam aktiviti telah dikendalikan terutama daripada guru yang sudah lama berkecimpung dalam mengajar peringkat prasekolah. Saya juga mula dilantik menjadi fasilitator sejak 2009. PB juga mengakui akan kepentingan latihan guru. Bengkel perlu diadakan selalu kerana guru baharu seperti saya belum lagi mahir mempelbagaikan teknik pengajaran menggunakan kaedah fonik terutama cara mengajar menggayakan dan membunyikan huruf. Kebelakangan ini, baru saya mengetahui cara mengajar menggabungkan bunyi dan aktiviti-aktiviti pengajaran yang sesuai digunakan. Jadi, banyak perkara lagi yang perlu saya pelajari.

Secara umumnya, daripada bengkel-bengkel yang dihadiri, mereka dapat pengetahuan cara mengendalikan pengajaran membaca menggunakan kaedah fonik. Guru baharu dapat menimba ilmu dan pengalaman daripada guru yang sudah lama dan berpengalaman dalam pendidikan prasekolah. Kreativiti dalam pengajaran membaca menggunakan kaedah fonik dapat dimodifikasikan dan dimanipulasikan daripada pengalaman mereka semasa menghadiri bengkel tersebut.

IMPLIKASI DAN CADANGAN

Pengajaran proses membaca: Kaedah fonik sesuai diserapkan dalam pengajaran kemahiran membaca peringkat prasekolah. Kaedah ini sangat berkesan dan sejak mula diaplikasikan di sekolah Brunei Darussalam, murid sudah boleh membaca berbanding kaedah suku kata yang mengambil masa hingga penghujung tahun untuk murid menguasai kemahiran membaca. Mereka boleh membaca dengan baik jika dibandingkan dengan murid tahun satu pada dua tahun lepas yang diajarkan membaca menggunakan suku kata. Tidak dapat nafikan memang terdapat murid yang belum boleh membaca, akan tetapi bilangannya terlalu sedikit jika dibandingkan dengan murid yang sudah boleh membaca. Mereka boleh membunyikan setiap perkataan dengan perlahan-lahan. Semasa tahun pertama kaedah fonik diperkenalkan, terdapat murid yang sudah boleh membaca surat khabar dengan sendiri tanpa diminta oleh guru. Apabila mereka sudah boleh menguasai bunyi huruf, mereka akan boleh membaca. Kesan positif penggunaan kaedah fonik ini boleh dilihat dalam masa yang cepat jika dibandingkan dengan penggunaan suku kata. Oleh itu, dicadangkan agar pengajaran kaedah ini perlu dilaksanakan pada peringkat awal persekolahan.

1. Bahan pengajaran: Pengajaran membaca menggunakan kaedah fonik memerlukan suasana belajar yang aktif. Di samping itu, penggunaan bahan bantu mengajar yang sesuai mampu memberikan impak kepada murid prasekolah. Bahan pengajaran yang digunakan juga didapati sesuai dan dapat menarik minat murid untuk mengikuti pengajaran guru. Walau bagaimanapun, bahan pengajaran yang sedia ada begitu terhad. Inisiatif guru diperlukan dalam mempelbagaikan bahan pengajaran alternatif terutama bahan yang melibatkan penggunaan alat teknologi maklumat dan komunikasi (TMK). Hal ini dapat memudahkan murid belajar bukan sahaja di sekolah tetapi juga di rumah.
2. Ruang pembelajaran yang kondusif: Untuk memperoleh kesan yang lebih mendalam dalam pembelajaran, guru perlu menyediakan ruang pembelajaran yang sesuai agar pelajar boleh menjalankan aktiviti dengan lebih selesa. Menurut Rohani, Nani dan Mohd Sharani (2003), ruang untuk murid belajar perlu diambil kira dalam menentukan kejayaan pembelajaran.
3. Pertingkatkan kemahiran mengajar kaedah fonik: Tahap kemahiran mengajar kaedah fonik bagi guru-guru peringkat prasekolah perlu dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Perkara penting yang perlu dilakukan ialah aktiviti selepas latihan yang diberikan. Guru tersebut perlu dipantau keberkesanan pengajaran di sekolah selepas tamat latihan.

KESIMPULAN

Kaedah fonik sudah dilaksanakan sepenuhnya oleh guru Bahasa Melayu dalam pengajaran membaca dalam kalangan murid prasekolah. Berdasarkan dapatan kajian yang telah dijalankan, kaedah ini didapati sangat berkesan dalam mengajarkan membaca pada peringkat prasekolah. Kaedah ini juga didapati berupaya mempercepatkan proses kemahiran membaca murid berbanding penggunaan kaedah suku kata yang diamalkan sebelumnya. Selain itu, kaedah ini juga dapat meningkatkan motivasi dan minat murid untuk membaca pelbagai jenis bahan bacaan termasuk bahan bacaan yang disampaikan dalam bahasa Inggeris.

RUJUKAN

- Bielby, N. (1999). *Teaching reading at key stage 2*. Cheltenham, UK: Stanley Thornes Ltd.
- Campbell, R. (1995). *Reading in the early years Handbook*. Philadelphia: Open University Press.
- Clinningham, P.M. (1991). *Phonics they use: Words for reading and writing*. Harper Collins Publishers Inc.
- Habibah Mohd. Samin & Hasnah Awang (2010) *Revisi Bahasa Melayu akademik 1 untuk PPISMP*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd
- Heilman, A.W. (1993). *Phonics in proper perspective*. Boston: Macmillan Publishing Company.
- Jabatan Perkembangan Kurikulum (2009). *Kerangka dan panduan bagi kurikulum dan penilaian prasekolah*. Brunei Darussalam: Kementerian Pendidikan

- Nor Hashimah Hashim & Yahya Che Lah (2003). *Panduan pendidikan prasekolah*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing.
- Othman Ahamad & Nik Eliani Nik Nawi (2009). *Kursus kaedah mengajar bacalah anakku*. Kuala Lumpur: Teadnetwork.
- Rohani Abdullah, Nani Menon & Mohd Sharani Ahmad (2003). *Panduan kurikulum prasekolah*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing.
- Yahya Othman, Roselan Baki & Naffi Mat (2009). *Pemeriksaan pendidikan Bahasa Melayu: Teori ke praktik*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors.

Maklumat lanjut, boleh hubungi:

Dr. Yahya Othman
Institut Pendidikan Sultan Hassanah Bolkihah
Universiti Brunei Darussalam
yahya.othman@ubd.edu.bn / yahyaoth@gmail.com